

**BAB LIMA**  
**RUMUSAN DAN CADANGAN**

## **BAB LIMA**

### **RUMUSAN DAN CADANGAN**

#### **5.1 RUMUSAN**

Dari perbincangan-perbincangan yang lepas, nyatalah bahawa bidang penterjemahan adalah suatu aktiviti yang amat berguna dalam kehidupan kita. Ini terbukti dengan sejarah kemajuan sesebuah negara dikaitkan dengan bidang penterjemahan.

Sebenarnya peranan dan sumbangan penterjemahan dalam pembinaan negara adalah suatu perkara yang subjektif, ianya tentu tidak dapat dinilai dengan pandangan mata kasar sebagaimana bidang ekonomi yang dapat diukur berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) atau berdasarkan pesat pembangunan infrastruktur seperti lebuh raya dan jambatan.

Kegiatan penterjemahan merupakan kegiatan intelektual yang hasilnya membantu mengembangkan daya cipta masyarakat. Melalui penterjemahan berlakunya pemindahan ilmu ke dalam sesuatu kebudayaan yang lain. Perkembangan ilmu dengan sendirinya merupakan proses pembinaan pemikiran masyarakat. Dalam hal inilah sebenarnya bidang penterjemahan memberikan sumbangan pembinaan negara.

Jepun misalnya , yang betul-betul memberikan perhatian dan mengambil berat terhadap kerja-kerja penterjemahan, telah dapat mendekati rakyat mereka ke dalam bidang apapun dalam bahasa mereka sendiri. Dengan demikian rakyat mereka dapat menguasai ilmu pengetahuan yang baru dan mendekati perkembangan-perkembangan yang berlaku di seluruh dunia dengan jayanya. Dunia juga mengakui bahawa pada masa lalu Barat banyak menterjemah pelbagai ilmu daripada tamadun Arab hingga mencapai tamadun yang tinggi pada hari ini.

Penterjemahan juga memungkinkan kita menimba ilmu pengetahuan dan meluaskan pandangan serta pemikiran menerusi pembacaan buku-buku sains dan teknologi , mengenal budaya masyarakat lain melalui karya-karya sastera dan memahami serta mengagumi falsafah golongan cerdik pandai bangsa-bangsa lain seperti Plato, Ibn Khaldun, Bertrand Russell dan Confucious.

Walaupun kita semua menyedari terhadap kepentingan bidang penterjemahan dalam kehidupan seharian, namun kerja-kerja untuk menghasilkan terjemahan yang dapat dipertanggungjawabkan bukan kerja yang mudah, sebab sesuatu terjemahan tidak pernah dapat mengabdikan inti sari teks asli sepenuhnya. Kerja penterjemahan merupakan tugas yang amat mencabar dan memerlukan masa serta tenaga yang banyak. Masalah yang besar wujud dalam penterjemahan disebabkan tidak ada hubungan langsung di antara penterjemah dengan penulis teks asli.

Lalu penterjemah terpaksa bergantung sepenuhnya pada keupayaan mental, pengetahuan linguistik dan pengetahuan dunianya. Namun dengan mempunyai pengetahuan seperti ini pun, penterjemah belum pasti dapat memilih atau menentukan perkataan atau ayat yang mana sesuai atau secocok dengan bahasa sasaran dalam hasil terjemahannya.

Penterjemah juga menghadapi masalah untuk mencari bentuk-bentuk padanan yang tepat dalam bahasa sasaran. Sekiranya padanan yang dipilih itu tidak selari dengan dunia bahasa sasaran, maka yang terhasil bukanlah penterjemahan, tetapi sari pemindahan bahasa. Justeru itu, dalam pengkajian ini, penulis sengaja memilih teori yang mengambil kira konteks bagi mengurangkan masalah yang timbul dalam penterjemahan.

Jelaslah dalam kerja-kerja penterjemahan banyak perkara yang perlu diambil kira. Tidak cukup hanya sekadar menguasai satu-satu bahasa sumber sahaja, sudah mengaku berupaya melakukan kerja penterjemahan. Kemahiran seseorang dalam sesuatu bidang pun perlu diambil kira.

Selain daripada itu seseorang penterjemah sepatutnya memahami teori yang dapat dijadikan garis panduan dalam penterjemahan. Oleh itu teori yang berwibawa dapat dipertanggungjawabkan dalam membantu kerja-kerja penterjemahan.

Begitu juga penterjemah seharusnya mendalami selok-belok budaya bahasa sumber yang diterjemahkan. Sebaliknya dengan mampu bertutur sahaja masih tidak mencukupi. Konteks ini sangat penting bagi melahirkan penterjemahan yang tepat.

Oleh itu penterjemahan bukanlah suatu kegiatan yang boleh dianggap senang. Berbagai-bagai permasalahan yang timbul ketika kerja terjemahan dibuat terutama apabila penterjemah ingin mengekalkan makna teks asal sebaik mungkin.

## 5.2. CADANGAN

Di sini penulis ingin mengemukakan beberapa cadangan untuk mempertingkatkan aktiviti penterjemahan, antara lain ialah :

1. Bahasa Melayu yang diiktiraf sebagai bahasa rasmi negara hendaklah digunakan sebagai wadah penyampaian ilmu secara lebih berkesan. Sekiranya pemindahan ilmu dibuat secara langsung akan mengakibatkan hanya segelintir masyarakat sahaja yang mendapat manfaat daripadanya.

2. Penterjemahan merupakan suatu metode yang amat penting dalam menimba ilmu pengetahuan dari negara-negara berteknologi tinggi dan menyebarkan kepada negara-negara membangun.
3. Penggunaan peralatan yang canggih dan terkini seperti komputer atau internet hendaklah digalakkan dan dipertingkatkan untuk memenuhi permintaan terjemahan dalam masa yang singkat dan tekniknya lebih efisien.
4. Pihak Kementerian Pendidikan hendaklah memasukkan subjek penterjemahan sebagai mata pelajaran wajib bermula diperingkat awalan hingga ke institusi pengajian tinggi.
5. Pengiktirafan terhadap kemahiran penterjemahan perlu diberi perhatian yang sewajarnya sesuai dengan kepentingan kemahiran itu sendiri. Oleh itu pihak yang berwajib perlu menilai semula kadar upah yang diberikan agar setimpal dengan penat jerih yang mereka curahkan.
6. Ruang lingkup atau skop penterjemahan yang selama ini banyak tertumpu kepada bidang pendidikan perlu dikembangkan kepada bidang-bidang yang lain seperti perindustrian, perdagangan, teknologi tinggi dan lain-lain lagi. Masyarakat juga disarankan supaya membiasakan diri dengan

istilah-istilah dalam bidang sains dan teknologi yang dipinjamkan daripada bahasa Inggeris kerana tiada padanan dalam bahasa Melayu.

7. Di atas kesedaran betapa pentingnya bidang penterjemahan dalam pembangunan negara, dicadangkan penubuhan sebuah Pusat Pengajian Tinggi yang berfungsi untuk melahirkan pakar-pakar bahasa yang boleh berkhidmat dalam setiap sektor dan paling penting dapat menghasilkan terjemahan yang unggul.
8. Penterjemahan teks sastera memerlukan penterjemah yang berpengetahuan yang mendalam tentang konteks situasi serta lebih prihatin dalam penggunaan bahasa bagi menghasilkan terjemahan yang bermutu berbanding dengan terjemahan teks sains yang lebih bercirikan objektif. Justeru itu penterjemah seharusnya berpengalaman luas dalam bidang yang diterjemahkannya, memahami teknik dan kaedah penterjemahan, mahir dalam bahasa sumber dan bahasa sasaran, disamping arif dalam budaya masyarakat bahasa sumber dan sasaran. Tegasnya, latihan dalam kemahiran menterjemah perlu ditckankan kerana penterjemah lazimnya pakar dalam bidang tertentu tetapi bukan pakar bahasa dan jarang mendapat latihan dalam penterjemahan.
9. Bidang penterjemahan hendaklah diperluaskan dan tidak semestinya tertumpu kepada karya-karya yang bercorak ilmiah atau buku-buku

pengajian tinggi sahaja. Malah karya-karya sastera juga sama ada bersifat moden atau klasik perlu dikembangkan juga bagi memperkayakan khazanah ilmu terjemahan kita.

10. Persatuan-persatuan penterjemah di negara ini disyorkan agar mengadakan kerjasama dengan persatuan-persatuan penterjemahan di peringkat antarabangsa bagi mengembangkan potensi dalam bidang ini dan ianya harus mendapat sokongan dari pihak yang berkuasa.